

ppk 223- LIVING Skills in special education

Tajuk: Kaedah pengajaran dan teknik-teknik untuk membina konsep sendiri yang positif

Nama Pensyarah: Dr. Rajesvari

Disediakan oleh:

1. Muhammad Abidi bin Ismail
2. Nurul Fikrah binti Azizi
3. Nurfarisha Illiyyin binti Mohd Isa
4. Nur Syuhada binti Mustaffa
5. Priscilla Entayang anak Marcus





DEFINISI KONSEP KENDIRI

- Menurut **Shavelson dan Bolus (1982)** konsep sendiri dijelaskan sebagai tanggapan seseorang terhadap dirinya yang meliputi kepercayaan, perasaan, sikap harga diri dan nilai.
- Menurut **“Encyclopedia of Applied Psychology” (2004)** mendefinisikan konsep sendiri sebagai pegangan kepercayaan seseorang tentang kualiti dirinya dan bagaimana dia menilai kualiti tersebut.
- Menurut **Azizi Yahya dan rakan-rakannya (2005)** menghuraikan konsep sendiri sebagai penilaian seseorang terhadap dirinya sama ada secara positif atau negatif.

KONSEP KENDIRI POSITIF

“Seseorang itu percaya dan yakin kepada diri sendiri secara lebih sihat, mempunyai minat yang baik dan objektif serta tidak terlalu sensitif. Ia juga meliputi sikap terbuka dan memberi pandangan jika wujud keadaan yang tidak baik dan stabil.”

Menghargai diri sendiri

The infographic features a central magenta hexagon with the text 'Ciri-ciri konsep kendiri positif'. Surrounding it are six light pink hexagons, each containing a characteristic: 'Membuat pilihan dan keputusan', 'Mudah berkawan', 'Murah hati', 'Berpuas hati dengan pencapaian diri', 'Memuji orang lain', and 'Menghargai diri sendiri'. The background is a soft-focus image of white cherry blossoms.

Bebas membuat pilihan dan keputusan

Memuji orang lain

Ciri-ciri konsep kendiri positif

Mudah berkawan

Berpuas hati dengan pencapaian diri

Murah hati

KEPENTINGAN KONSEP KENDIRI YANG POSITIF

- **Mempengaruhi kejayaan seseorang**
- **Memudahkan pengasasan hubungan interpersonal yang baik**
- **Meningkatkan prestasi akademik & tingkah laku pelajar**
- **Asas kepada kepimpinan yang berkesan**

DEFINISI TEKNIK-TEKNIK PENGAJARAN

- a) Menurut Kamus Dewan (edisi ketiga), teknik adalah kaedah mencipta sesuatu hasil seni seperti muzik, karang-mengarang dan sebagainya.
- b) Menurut Edward M. Anthony mendefinisikan teknik adalah satu muslihat atau strategi atau taktik yang digunakan oleh guru yang mencapai hasil segera yang maksimum pada waktu mengajar sesuatu bahagian bahasa tertentu.
- c) Teknik merupakan suatu alat yang digunakan oleh guru bahasa bagi menyampaikan bahan-bahan pengajaran yang telah dipilih untuk pelajar-pelajarnya. Teknik yang dipilih haruslah sejajar dengan kaedah yang digunakan dan seirama dengan pendekatan yang dianuti.

Teknik-teknik membina konsep sendiri yang positif

- **Menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) untuk menarik minat murid mengikuti pembelajaran.**
- **Memberi tepukan atau ganjaran jika seseorang itu berjaya melakukan sesuatu sebagai tanda penghargaan.**
- **Menjadikan pengalaman murid sebagai contoh penghasilan karangan yang baik.**
- **Mengadakan program lawatan sambil belajar supaya pelajar dapat mengenali perkara-perkara baharu.**
- **Mengadakan aktiviti-aktiviti kesukanan bagi meningkatkan perkembangan moto kasar mereka**

KAEDAH PENGAJARAN

Definisi:

Kaedah pengajaran bermaksud tindakan-tindakan yang dilakukan oleh guru dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran.

Kaedah ini melibatkan tindak balas antara guru dan murid (Rahil Mahyudin et al. 1997) .
Di antara kaedah yang bersesuaian untuk mengajar pembelajaran Kemahiran Hidup

KAEDAH PENGAJARAN UNTUK MEMBINA KONSEP KENDIRI POSITIF

Tunjuk cara

- Membiasakan murid dengan membuat aktiviti seperti berkebun.

Simulasi

- Mewujudkan satu situasi yang menyerupai keadaan sebenar

Projek

- Melibatkan murid dengan idea-idea konseptual.

Memberi Arahan

- Memberi arahan berulang-ulang supaya murid memahami

Latih Tubi

- Menyediakan latihan dan peneguhan secukupnya kepada murid.

Ekplorasi/ Penemuan

- Meningkatkan pembelajaran murid melalui penemuan sendiri

i) Kaedah Tunjuk Cara

Tunjukkan kepada murid langkah-langkah yang mesti diikuti oleh mereka untuk melakukan tugas yang diberi.

Secara rawak, guru perlu memilih beberapa orang murid untuk membacakan turutan langkah-langkah betul

Beri peluang murid mempraktikkan apa yang telah dipelajari oleh mereka

Beri tindak balas kepada soalan murid tentang tunjuk cara yang telah dibuat.

Tinjau semula langkah-langkah yang perlu diikuti oleh murid

ii) Kaedah Simulasi

- **memilih satu masalah atau isu yang melibatkan minat atau pandangan yang berlawanan.**
- **memastikan unsur-unsur utama masalah atau isu terkandung dalam simulasi.**
- **mengenal pasti konsep-konsep yang terlibat dalam masalah atau isu berkenaan.**
- **menentukan langkah-langkah yang perlu diambil semasa simulasi. Langkah-langkah ini termasuklah bagaimana tingkah laku murid, peranan yang dimainkan, serta peraturan yang mempengaruhi tindakan murid tersebut.**

iii) Kaedah Projek

- Tujuan kaedah projek adalah untuk melibatkan murid dengan idea-idea konseptual dan memperkembangkan kemahiran-kemahiran yang tidak mungkin dicapai melalui kaedah pengajaran lain.
- Guru perlu memastikan setiap murid mempunyai peranan dan tugas dalam melaksanakan projek
- Guru perlulah menyediakan alatan yang mudah dikendalikan, ringan dan tidak terlalu membahayakan murid supaya mudah dan selamat digunakan .
- Sebelum projek dilaksanakan, guru sepatutnya terlebih dahulu menerangkan setiap tugas itu

iv) Kaedah Memberi Arahan

Pertama sekali, tuliskan arahan di dalam kelas.

Guru perlu mendemonstrasikannya semasa memberi arahan

Pastikan arahan yang diberikan oleh guru jelas

Pastikan murid memberi tumpuan semasa arahan diberi

Nilaikan sejauh manakah murid memahami arahan berkenaan dengan cara bertanya kembali kepada mereka mengenai arahan yang diberikan

v) Kaedah Latih Tubi

- **Mengadakan kaedah latih tubi secara pertandingan dalam kumpulan atau individu**
- **Bagi murid yang kurang daya saing, kaedah latih tubi boleh dijalankan dengan pelbagai cara**

vi) Kaedah Eksplorasi / Penemuan

- menyediakan alatan.
- memberi masa yang cukup untuk murid melakukan aktiviti.
- bertanya kembali tentang kegunaan alat itu selepas aktiviti selesai.
- menggalakkan mereka melakukan sendiri menggunakan alatan supaya mereka lebih faham akan kegunaannya.

CARA MENGAPLIKASI KONSEP KENDIRI DI RUMAH

- Konsep sendiri merupakan keseluruhan pandangan seseorang terhadap dirinya. Menurut **Woolfolk (1995)**, konsep sendiri terdiri dari konsep sendiri bukan akademik, konsep sendiri akademik bahasa inggeris dan konsep sendiri akademik matematik.
- Ibu bapa yang memiliki kensep sendiri yang positif akan menampilkan tingkah laku yang menunjukkan rasa percaya diri dan memiliki pandangan yang optimis.

- **Konsep sendiri yang positif adalah pandangan tentang diri yang positif. Contohnya “saya rajin”, “saya pandai”, “Rambut saya cantik” dan seumpamanya. Konsep sendiri yang negatif ialah pandangan yang terlalu kritis terhadap diri hingga menyebabkan tidak yakin pada diri sendiri.**
- **Dalam konteks ini, ibu bapa merupakan orang yang paling rapat dengan anak dan lebih mengenali mereka.**

- **Ibu bapa yang memiliki kensep sendiri yang positif akan menampilkan tingkah laku yang menunjukkan rasa percaya diri dan memiliki pandangan yang optimis.**
- **Konsep dan sikap tersebut juga ditularkan kepada anaknya baik melalui proses meniru atau pun melalui evaluasi yang diberikan ibu bapa terhadap perilaku anak.**
- **Ibu bapa dengan konsep sendiri positif akan menunjukkan ekspresi rasa sayang dengan sering memeluk atau memberikan pujian terhadap setiap usaha dan keberhasilan anak.**

Oleh itu, ibu bapa haruslah mengaplikasikan konsep sendiri di rumah dengan melakukan

- 1) menerima kekurangan anak dan memberikan dorongan sesama anggota keluarga**
- 2) banyak memberikan pujian pada anak**
- 3) sentiasa menggunakan kata-kata positif dgn anak-anak**
- 4) Jangan membandingkan anak dengan kelebihan anak yang lain**
- 5) sentiasakan memberikan senyuman kepada anak-anak**

PERKEMBANGAN KENDIRI POSITIF DALAM DIRI PELAJAR


- **SEBELUM PENERAPAN NILAI POSITIF**

1. **KURANG** KEYAKINAN TERHADAP DIRI SENDIRI
2. MENGANGGAP DIRI SENDIRI **TIDAK MEMPUNYAI KELEBIHAN**
3. **KURANG INTERAKSI** ANTARA DIRINYA DENGAN ORANG LAIN
4. **TIDAK BERMINAT** DENGAN PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

- **SELEPAS KONSEP KENDIRI POSITIF DITERAPKAN DALAM DIRI PELAJAR**

1. **BERKEYAKINAN** TINGGI
2. MEMAHAMI BAHAWA SETIAP ORANG **MEMPUNYAI KELEBIHAN** TERSENDIRI
3. LEBIH **MESRA** DENGAN ORANG SEKELILING
4. **MENUMPUKAN PERHATIAN** KETIKA PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DILAKUKAN

Autis



Inspirasi Kebarukan

Rumusan

Kesimpulannya, konsep sendiri positif sangat penting untuk diterapkan kepada anak-anak supaya mereka lebih berfikiran terbuka apabila menerima cabaran baru. Jadi dengan kaedah dan teknik yang betul dapat digunapakai untuk membentuk konsep diri positif dalam diri mereka.

**Sekian ,
Terima Kasih**